

03 NOV 1997

G15-Asia

ASIA MAHU KERJASAMA ANTARABANGSA DAN SERANTAU DALAM ISU MATA WANG

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Krisis mata wang yang telah menjejaskan ekonomi beberapa negara Asia menunjukkan negara-negara membangun perlu melindungi diri mereka daripada sentimen pasaran dan turun naik kadar pertukaran mata wang utama.

Naib Presiden India Krishan Kant berkata, langkah menangani krisis mata wang sekarang memerlukan pendekatan baru dalam kerjasama serantau dan antarabangsa.

Ini perlu memandangkan pentingnya aliran modal bagi pembangunan dan integrasi yang meningkat di kalangan negara-negara membangun di pasaran kewangan antarabangsa, kata Kant yang mewakili benua Asia.

Kekacauan di pasaran kewangan antarabangsa dan pasaran modal baru-baru ini telah menjejaskan teruk banyak negara Asia, kata beliau di sidang kemuncak Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini.

Dalam sidang kali ini perkumpulan itu juga menerima masuk anggota ke 16 iaitu Kenya tetapi nama perkumpulan itu tetap dikekalkan sebagai G15. Anggota lain G15 ialah Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Mesir, India, Indonesia, Jamaica, Malaysia, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela dan Zimbabwe.

Kant berkata, G15 boleh berusaha membentuk strategi yang sesuai dan anggotanya boleh berunding antara satu sama lain dalam hal ini.

Beliau berkata, hubungan masa depan Utara-Selatan mesti mengiktiraf pelarasan struktur dan peliberalan yang dibuat dalam tempoh yang singkat.

Negara-negara maju mesti menjadikan diri mereka sebagai contoh dalam peliberalan sepenuhnya, dalam sektor eksport dan dalam pengkhususan seperti tekstil, pertanian, keluli, elektronik dan perkhidmatan maklumat, katanya.

Kant juga menyentuh isu-isu sumber manusia dan halangan dalam mendapatkan teknologi tinggi oleh negara-negara membangun.

Beliau berkata, pengagihan sumber mestilah adil khasnya di forum seperti Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), IMF dan Bank Dunia.

"Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan sistem perdagangan juga perlu diubah suai dan didemokrasikan," kata beliau.

Mengenai laluan kepada teknologi tinggi, Kant berkata ia merupakan aspek yang penting bagi semua dan dengan itu mereka perlu menyuarakan bersama bantahan terhadap tindakan-tindakan yang mengetepikan mereka daripada teknologi tinggi.

Kant menyifatkan G15 yang dianggap sebagai kerjasama Selatan-Selatan walaupun kepentingannya tidak dapat dilihat semasa penubuhannya tujuh tahun lepas, kini menjadi realiti.

Beliau berkata, daripada pengalaman India perkumpulan itu mempunyai pengaruh dan hari ini Malaysia menjadi pelabur terbesar dan rakan perdagangan dalam pelbagai sektor seperti telekomunikasi, infrastruktur, pembangunan hartanah dan pelabuhan.

Kant berkata projek Koridor Raya Multimedia (MSC) di Malaysia telah menarik syarikat-syarikat teknologi dari India dan ini dengan jelas menunjukkan sinergi Selatan-Selatan.

Beliau berkata, G15 telah menyertai dalam aktiviti kerjasama Selatan-Selatan melalui projek-projek tekno-ekonomi dan juga rundingan dengan jawatankuasa pelaburan, perdagangan dan teknologi.

-- BERNAMA

ARA PR

